

11/01/2002

`Rentak' baru hubungan KL-Manila

Muhd Yusuf Abu Bakar

PENGHANTARAN pulang bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari, Isnin lalu, bukan saja memberi kesan kepada hubungan Malaysia-Filipina, malah turut mengubah senario politik di kawasan selatan negara itu.

Bagi Malaysia, penyerahan bekas pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) itu - yang ditahan pihak berkuasa Malaysia kerana memasuki negara ini secara haram 24 November lalu - memberi kesan positif kepada hubungan dua hala Manila-Kuala Lumpur yang sering tidak stabil akibat pergolakan di selatan Filipina.

Selagi Presiden Gloria Macapagal Arroyo memerintah, dijangkakan hubungan baik KL-Manila akan terus kekal, tambahan pula pemimpin Filipina itu memberi tumpuan khusus bagi mengatasi masalah di kawasan selatan yang sentiasa bergolak.

Selain itu, tindakan Kuala Lumpur untuk tidak campur tangan dalam masalah dalaman Filipina dan bertegas dalam isu penghantaran pulang Misuari, turut berjaya meyakinkan masyarakat serantau dan antarabangsa mengenai dasar luar Malaysia selama ini.

Sebelum ini, Manila dilihat berdolak-dalik untuk menerima semula Misuari, antaranya mahu menunggu sehingga keadaan di selatan Filipina kembali tenang dan gabenor ARMM yang baru, Dr Parouk Hussin, mengangkat sumpah jawatan Sabtu lalu.

Sehari selepas pelantikan Parouk, Manila menghantar pegawai kanan polisnya untuk membawa pulang Misuari dari Kuala Lumpur, manakala enam lagi pengikutnya yang ditahan di Kota Kinabalu turut berlepas ke Filipina.

Misuari yang kini ditahan di penjara Fort Domingo di selatan Manila akan menghadapi tuduhan memberontak berikutan tindakannya mengisytiharkan perang terhadap pentadbiran Arroyo, November lalu.

Bagi Kuala Lumpur, penghantaran pulang Misuari bukan saja membuktikan Malaysia tidak terbabit dalam pergolakan di selatan Mindanao seperti didakwa sesetengah pihak di Filipina.

Malah, Malaysia mahu Arroyo menyelesaikan sendiri masalah di selatan Filipina yang berlarutan sejak sekian lama sehingga menjejaskan Malaysia, khususnya Sabah yang menjadi tumpuan pendatang asing dari negara berkenaan.

Pengkaji politik selatan Filipina yang juga pensyarah hubungan antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS), Wan Shawaluddin Wan Hassan, berkata langkah Kuala Lumpur itu akan merapatkan lagi hubungan Malaysia-Filipina.

"Malaysia melihat dengan meneruskan pendirian menghantar pulang Misuari walaupun menghadapi risiko, terutama dari penyokong bekas pemimpin berkenaan, hubungan kedua-dua negara akan bertambah baik," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengambil tindakan tepat dengan mengembalikan Misuari.

"Ia bukan saja menunjukkan Malaysia ikhlas dalam hubungan dengan negara serantau, malah menunjukkan kepada masyarakat antarabangsa sikap tegas Malaysia untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal negara jiran," katanya.

Wan Shawaluddin berkata, sekarang terpulang kepada Arroyo untuk menyelesaikan masalahnya dengan Misuari.

"Sekiranya Misuari diadili dengan baik seperti yang dijanjikan Manila kepada Kuala Lumpur dalam rundingan sebelum ini, pergolakan politik di selatan Filipina akan kembali reda," katanya.

Kini Arroyo terpaksa membuktikan kepada Malaysia dan negara serantau mengenai komitmennya untuk menyelesaikan masalah di selatan Filipina yang sebahagian besar membabitkan penduduk Islam.

"Masalah kemiskinan dan politik di Mindanao perlu diselesaikan segera sekiranya Arroyo ingin dikenang penduduk sebagai pentadbir berjaya.

"Jika Arroyo berjaya membawa kemakmuran dan keamanan di kawasan berkenaan, tempiasnya akan dirasai Sabah juga yang selama ini terpaksa menanggung segala macam beban akibat pergolakan dan pertelingkahan di antara kerajaan dan penduduk Islam di selatan Filipina," kata Wan Shawaluddin.

Sebenarnya, masalah yang dihadapi pemimpin Islam di selatan Filipina cukup menyedihkan. Selain tidak mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kerajaan, tiada orang Islam dilantik sebagai menteri dalam kerajaan Filipina.

Pemimpin Islam terus disisih daripada arus perdana pemerintahan Filipina oleh kerajaan bekas diktator Ferdinand Marcos pada 1970-an dan 1980-an, menyebabkan mereka hanya dilihat sebagai pemberontak dan penentang kerajaan semata-mata.

Hanya selepas Arroyo mengambil alih pentadbiran daripada Joseph Estrada pada akhir tahun 2000, barulah muncul seorang pemimpin Islam yang menjadi Perwakilan Maguindanao, Simeon Datumanong, yang dilantik menteri penuh sebagai Setiausaha Jabatan Kerjaraya dan Lebuhraya (DPWH).

Ini berbeza dengan kerajaan Thailand yang berusaha meredakan ketegangan penduduk Islam di selatan Patani dengan membabitkan mereka dengan politik, malah melantik mereka berkecuali menjadi speaker dan menteri Kabinet.

Selepas Misuari yang didakwa Filipina gagal membawa pembangunan kepada ARMM, Parouk mencuba nasib untuk memimpin lebih tiga juta penduduk di empat kawasan majoriti Islam, iaitu wilayah Sulu, Tawi-Tawi, Lanao der Sur, Maguindanao.

Doktor perubatan yang bersama berjuang dengan Misuari dalam MNLF itu, cuba lari daripada pengaruh bekas ketuanya dan berjanji untuk membangunkan kawasan ARMM yang terabai sebelum ini.

Parouk dalam ucapan pertamanya meminta masyarakat antarabangsa menyalurkan bantuan bagi memulihkan kawasan ARMM yang ketinggalan dalam pembangunan dan masyarakatnya dihipit kemiskinan.

Arroyo yang melawat Amerika Syarikat, November lalu, berjaya mendapatkan bantuan RM209 juta dari negara berkenaan bagi projek pembangunan di ARMM.

Malah, Bank Dunia turut berjanji memberi bantuan RM163 juta untuk pembangunan di Mindanao manakala kerajaan Filipina akan menyalurkan kira-kira RM100 juta kepada pembangunan masyarakat Islam.

Kecuali pentadbiran Arroyo bersikap adil dalam menyelesaikan masalah di selatan Filipina, penyokong Misuari tidak akan berhenti menimbulkan masalah.

(END)